

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05/01/2018

# TN50 aspirasi rakyat, bukan visi peribadi

BH - 5/1/2018 pg. 6

**Putrajaya:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ditegur kerana memperlekehkan pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) sedangkan ia menghimpunkan puluhan ribu aspirasi daripada jutaan rakyat Malaysia bagi melakar masa depan negara lebih gemilang. Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, berkata tindakan dilakukan Dr Mahathir itu dilakukan semata-mata bagi menegakkan Wawasan 2020 sebagai legasi peribadinya.

Katanya, TN50 merangkumi aspirasi dikumpul daripada jutaan rakyat Malaysia bagi membentuk masa depan negara berdasarkan impian dan aspirasi rakyat sendiri berbanding Wawasan 2020 yang menampilkan visi peribadi Dr Mahathir selaku

Perdana Menteri ketika itu, bermula dengan satu ucapan pada 1991.

“Secara mudahnya, TN50 bukan semata-mata legasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; kerajaan Barisan Nasional (BN) atau parti UMNO tetapi legasi setiap rakyat Malaysia yang berkongsi aspirasi mereka.

## Pelan pelaksanaan teliti

“Wawasan 2020 pula tiada pelan pelaksanaan teliti disertakan sasaran kuantitatif untuk semua cabaran dinyatakan, sebaliknya TN50 bakal melihat satu pelan pelaksanaan yang teliti bersama sasaran kuantitatif yang jelas bagi mencapai aspirasi negara menjelang 2050,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khairy terpanggil membuat penjelasan itu berikutan dakwaan Dr Mahathir yang dilaporkan beberapa portal berita kelmarin, yang antara lain mengatakan TN50 adalah tiruan Wawasan 2020, TN50 adalah pengakuan Wawasan 2020 gagal dan TN50 adalah usaha untuk mengalihkan tumpuan rakyat daripada Wawasan 2020.

Beliau yang juga menteri bertanggungjawab mengumpul aspirasi belia untuk TN50, turut kesal dengan kenyataan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan calon Perdana Menteri Pakatan Harapan itu.

## Perkembangan baharu

“TN50 terpaksa mengambil kira perkembangan baharu yang tidak wujud ketika Wawasan

2020 diperkenalkan, umpamanya persediaan negara berdepan gangguan teknologi seperti kecerdasan buatan (artificial intelligence), luasan realiti (augmented reality) dan Internet of Things (IoT).

“Wawasan 2020 tidak menjangka Revolusi Industri 4.0 bakal mengubah model pembangunan ekonomi dunia atau mengambil kira perkembangan masa depan yang ketara seperti penuaan masyarakat, kadar urbanisasi yang pantas dan keperluan untuk menjana tenaga hijau.

“Apakah Dr Mahathir berpandangan selepas 2020, kita tidak perlu apa-apa perancangan jangka panjang dan tidak perlu lagi aspirasi baharu untuk memacu negara jauh ke depan,” katanya.